

Sering disakiti wanita

Soalan
BENARKAH cinta jika dikejar akan lari. Cinta jika tidak dicari akan datang. Saya bertanya soalan ini kerana cinta saya sering lari kerana setiap perkenalan yang berputik dan berkembang kepada percintaan akan akhirnya berterbangan bagai debu. Bunga-bunga cinta indah berakhir dengan kelayuan yang saya sendiri merasa kesedihannya. Bermula dengan percintaan pertama hingga kepada yang terakhir, sindrom cinta malang adalah nasib saya. Lalu, saya letakkan diri sebagai lelaki yang sangat malang kerana sering saja disakiti wanita. Cinta pertama saya kecundang dan ini membawa

kepada kegagalan pada cinta-cinta seterusnya. Terus terang saya katakan, bukannya saya tidak kacak. Saya pernah dipuji beberapa wanita atas rupa paras saya. Bentuk badan saya juga tidak ada masalah. Tapi saya masih lagi menghadapi masalah apabila tidak kekal lama dalam percintaan. Kegagalan demi kegagalan bercinta membuatkan saya merasa kecewa dan kosong. Bantulah saya kerana saya benar-benar buntu sekarang.

Jejaka Sedih Tambun, Perak.

Jawapan
BANYAK kata-kata mengenai cinta. Antaranya cinta sering kali akan lari bila kita mencari tapi cinta jua sering

kali dibiarkan pergi bila ia menghampiri. Namun, cinta itu tidak akan datang jika tidak dicari, dan tidak akan dapat jika tidak memberi. Sekiranya adik ingin sebuah percintaan, carilah ia. Sekiranya ingin cinta yang benar, apabila bertemu dan membuat pilihan yang tepat. Keinginan setiap manusia untuk dicintai, dipunyai dan dihargai nampaknya berlaku kepada adik. Merasa kosong dan kecewa apabila tidak mendapat kasih sayang, cinta dan rasa dipunyai adalah fitrah manusia. Dr empati dengan adik kerana jika hidup tidak memakai cinta ia sama seperti bumi kehilangan matahari. Sikap orang bercinta. Menyakiti dan disakiti. Namun, dalam masalah ini, adik sering disakiti

wanita. Tentunya ada sebab tersendiri mengapa perkenalan adik tidak kekal lama. Dr tidak tahu jenis cinta yang adik alami tapi ia tidak seperti cinta lain yang mengasyikkan. Jika ia cinta monyet, cinta itu cinta keanak-anakan. Jika cinta adik cinta materialistik, cinta adik merosak jiwa manakala cinta palsu adik sekadar cinta basa basi. Cinta yang paling mengasyikkan ialah cinta sejati iaitu cinta yang akan menghasilkan cita-cita yang luhur dan abadi. Rupa paras dan bentuk

badan bukan penentu kepada kekalnya cinta atau tidak. Kekalnya percintaan lebih kepada cinta sejati yang berlaku apabila perasaan cinta diimbangi dengan penghargaan dan akal. Pada peringkat cinta sejati ini, penilaian terhadap individu yang dicintai itu menjadi lebih objektif dan rasional. Pasangan sedia menerima seadanya dan mempunyai banyak persamaan dari segi nilai dan idea. Faktor ini menyokong dan menyebabkan perhubungan yang baik

akan berlaku dalam jangka masa panjang. Dr harapkan adik akan menemui cinta sejati satu hari nanti. Apabila cinta benar sudah ditemui, tiada lagi wanita yang akan menyakiti hati adik. Pada saat itu, adik akan bertemu dengan gadis yang dapat memahami dan mencintai dan tidak akan sekali-kali mengecewakan adik. Ketika inilah adik menjadi lelaki yang paling bertuah, tidak lagi malang seperti adik sangkakan.

Tersepit antara suami cemburu, cita-cita

Soalan
CINTA dan cita-cita adalah dua perkara penting dalam hidup saya. Saya ingin kejayaan dalam kerjaya serta rumah tangga namun ia tidak semudah di sangkakan. Dilema yang saya sedang hadapi benar-benar menguji ketabahan hidup. Saya berusia awal 20an, berkahwin dalam usia muda dan kini sudah mempunyai anak. Walaupun berumah tangga, saya seorang yang bercita-cita tinggi. Saya kini keliru sama ada mahu melanjutkan pelajaran atau tidak. Saya ada keinginan tinggi untuk melanjutkan pelajaran dan bercita-cita menjadi seorang wanita yang berjaya. Suami pula seorang juru terbang dengan jadual kerja yang sangat padat. Persoalannya, adakah saya juga harus menyambung pelajaran atau menjadi suri rumah tangga? Andai saya melanjutkan pelajaran selama empat tahun, bagaimana untuk saya mengimbangi masa agar hubungan rumah tangga kami sentiasa bahagia dan tiada persengketaan? Suami saya juga seorang yang kuat cemburu. Bantulah saya Dr kerana tidak tahu apa yang harus saya lakukan dan buntu untuk membuat keputusan.

Sungai Petani, Kedah.
Jawapan
DEWASA ini, ramai wanita berkerjaya adalah ibu dan isteri yang berjaya. Memiliki kerjaya adalah idaman kebanyakan wanita masa kini termasuk yang sudah mendirikan rumah tangga. Justeru Dr memahami akan keinginan kuat adik untuk melanjutkan pelajaran di samping menjadi wanita berkerjaya yang hebat.

Wanita berkerjaya kini berperanan besar dalam menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Wanita juga kini ramai yang mempunyai pendidikan tinggi selari dengan perkembangan zaman. Lebih ramai pelajar wanita yang melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi berbanding lelaki. Perkongsian hidup berumah tangga memerlukan adik dan pasangan untuk sama-sama berbincang mengenai apa yang adik inginkan dalam hidup. Ini termasuk keinginan untuk bergelar mahasiswi. Perkembangan psikologi menyaksikan individu yang tidak tercapai cita-cita mudah kecewa dalam kehidupan termasuk alam rumah tangganya. Sekiranya kekecewaan ini tidak diluahkan, ia menimbulkan tekanan

berterusan. Satu usaha untuk menyingkir pengalaman pahit ini ialah dengan menjelaskan kepada suami mengenai cita-cita untuk melanjutkan pelajaran ini. Hati akan menjadi lebih tenteram sementara hidup lebih bermakna. Ramai wanita yang sudah berumah tangga melanjutkan pelajaran. Tentu sekali, ini memerlukan pengorbanan yang bukan sedikit. Mereka terpaksa mengimbangi antara tuntutan belajar dan kehidupan berumah tangga. Kejayaan ramai tokoh wanita hebat boleh menjadi pendorong. Izin suami sangat penting dalam memulakan sebarang langkah termasuk melanjutkan pelajaran. Mohon izin dan jelaskan dengan baik mengapa adik ingin melanjutkan pelajaran. Pada waktu sama usahakan agar dapat mengimbangi masa antara pelajaran dan rumah tangga. Sikap cemburu suami boleh dikurangkan dengan adik perlu elakkan daripada melakukan perkara-perkara yang boleh menimbulkan perasaan cemburu terhadapnya. Sikap kuat cemburu ini memang bukanlah sesuatu yang positif dalam alam rumah tangga. Oleh itu, usahakan agar suami dapat mengurangkan sikap cemburu ini sedikit demi sedikit.

PROGRAM MOTIVASI CUTI SEKOLAH

Kami memanfaatkan pengalaman hampir 20 tahun memotivasikan lebih daripada 100,000 pelajar bagi memastikan anak-anak anda berjaya dalam hidup.

Seminar Motivasi Alihan Pelajar (MAP)

Usah biarkan anak anda menghabiskan masa sia-sia sepanjang cuti sekolah ini. Seminar MAP bertujuan Membentuk Sikap Positif, Membongkar Nilai Khalifah, Meningkatkan Kemahiran Sosial, Strategi Pembelajaran Aktif dan Menangani Stres. Tiada lagi istilah anak bermasalah.

Terbuka kepada pelajar 10 hingga 19 tahun. YANG MEMBEZAKAN KAMI ADALAH PENGALAMAN.

LOKASI	TARIKH KURSUS
Kuala Lumpur	10 - 11 November 2012
MITC, Melaka	24 - 25 November 2012
Johor Bahru	1 - 2 Disember 2012
Ipoh, Perak	15 - 16 Disember 2012
Singapura	26 - 27 Disember 2012

Dialah 2 orang tokoh lain sebelum 30 Oktober 2012 dan DISKAUN 10%



Pengasas MAP
 Dr. Tengku Asmadi, Ph.D adalah Konsultan Motivasi yang sering muncul di TV1, TV2, TV3, Astro, TV9, TV Bernama, NTV7 dan Ikim.fm

Testimoni Pelajar MAP di www.facebook.com/drasmadi



Saya pernah menyertai MAP pada tahun 2002 dan mengulangnya sekali lagi pada tahun 2005. Datang sekali memang rasa mahu datang lagi. Alhamdulillah pengisiannya hebat. Strategi dan teknik belajar yang diajarkan amat berkesan dan saya masih mengamalkannya hingga ke hari ini. Sekarang saya masih lagi menuntut di University Of Birmingham, UK dan insya Allah akan tamat pengajian pada tahun hadapan.

(Ahmad Nazrin Nasruddin, MAP 2002 dan 2005)

03 - 22734622 / 03 - 22730622

016 - 5580719 / 012 - 4931520

www.laman-map.com | www.facebook.com/drasmadi